

Tujuh kes buang bayi minggu pertama tahun ini

Jumlah itu perlu diberi perhatian serius, bimbang gejala berterusan: Shahrizat

Suar. 9/1/2011 MS 12.

KUALA LUMPUR - Tahun 2011 baru seminggu membuka tirainya tetapi dalam tempoh itu tujuh kes buang bayi dilaporkan.

Angka itu perlu diberi perhatian serius dan bimbang dengan gejala yang berterusan itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, kerajaan akan memperhebatkan kempen kesedaran dalam usaha menyekat gejala itu daripada berlarutan.

"Kerajaan komited terhadap usaha membanteras perbuatan membuang bayi yang kini menuntut tindakan segera," katanya selepas melancarkan kempen 'Kami Prihatin' di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), di sini, semalam.

Kempen itu adalah untuk mencetuskan rasa keinsafan dan menebalkan kembali nilai kemanusiaan di kalangan masyarakat dalam usaha menangani kes penderaan kanak-kanak dan buang bayi.

Shahrizat berkata, kementerian akan terus mendekati golongan remaja hingga ke peringkat akar umbi selain mempergiatkan kerjasama dengan badan bukan kerajaan dalam menjalankan kempen kesedaran mendidik masyarakat.

Beliau berkata, media massa dan badan agama juga perlu terus memainkan peranan yang lebih kritikal bagi membendung gejala itu. - Bernama



● Shahrizat (kiri) melawat ruang pameran sebelum merasmikan kempen "Kami Prihatin" di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), semalam.